



MAJLIS DAERAH HULU TERENGGANU

GARIS PANDUAN PERMOHONAN LESEN HIBURAN DAN TEMPAT HIBURAN

BAHAGIAN PELESEN

**MAJLIS DAERAH HULU TERENGGANU
21700 KUALA BERANG, TERENGGANU
TEL: 09-6811466 / 09-6811149
EMAIL: mdht@terengganu.gov.my
WEBSITE: www.mdht.gov.my**

TERBITAN 22 OGOS 2023 (BIL.1/2023)

1. OBJEKTIF GARIS PANDUAN

Garis panduan ini menerangkan mengenai tatacara untuk membuat permohonan lesen hiburan bagi membuka premis hiburan dan menjalankan aktiviti hiburan sebagaimana yang terkandung dalam Enakmen Hiburan dan Tempat-Tempat Hiburan 2002, Kaedah-Kaedah Hiburan dan Tempat-Tempat Hiburan 2003 Negeri Terengganu serta mematuhi Garis Panduan Hiburan, Persembahan Kebudayaan, Pelancongan Negeri Terengganu.

2. OBJEKTIF PELESENAN

Untuk memastikan dan mengawal semua aktiviti hiburan dalam kawasan pentadbiran Majlis Daerah Hulu Terengganu adalah berlesen serta mematuhi Enakmen, Undang-Undang dan garis panduan yang telah diperuntukkan agar aktiviti perniagaan beroperasi dalam keadaan selamat, harmoni dan bersih.

3. SKOP PELESENAN

Mana-mana tempat hiburan dan aktiviti hiburan dijalankan di dalam kawasan pentadbiran Majlis Daerah Hulu Terengganu sebagaimana jenis berikut: (senarai terperinci boleh rujuk pada Jadual Ketiga Enakmen Hiburan Dan Tempat-Tempat Hiburan 2002 (Enakmen No.12 Tahun 2002), Jadual Keempat Enakmen Hiburan Dan Tempat-Tempat Hiburan 2002 (Enakmen No.12 Tahun 2002)). Boleh rujuk para 15 Bahagian C (**Kadar Bayaran FI Lesen Mengikut Aktiviti Perniagaan**)

4. ASAS PERUNDANGAN

Semua tempat hiburan dan aktiviti hiburan yang dilesenkan adalah berdasarkan pada Enakmen yang diwartakan bagi digunakan Oleh Majlis Daerah Hulu Terengganu sebagaimana berikut :

- i. Enakmen Hiburan Dan Tempat-Tempat Hiburan 2002 (Terengganu)
- ii. Kaedah-Kaedah Hiburan Dan Tempat-Tempat Hiburan 2003 (Terengganu)


5. PEMBEKUAN LESEN





Aktiviti hiburan yang dibekukan / tidak dibenarkan:

- i. Rumah hantu
- ii. Permainan/ hiburan berunsur judi

6. SYARAT ASAS PERMOHONAN

Permohonan lesen hiburan dan tempat hiburan boleh buat oleh syarikat sebelum sebarang hiburan dan tempat hiburan dijalankan syarat menyediakan semua dokumen asas permohonan serta dokumen teknikal sokongan berkaitan dengan aktiviti yang dijalankan.

Bil	Pekara	Catatan	Contoh
1.	Syarikat Sendirian Berhad: <ul style="list-style-type: none"> - Borang 9 (Perakuan Pemerbadanan Syarikat Sendirian) - MAA (Memorandum And Article Of Association) - Borang 24 (Pemegang Saham) - Borang 49 (Pemilik Syarikat) 	<div style="text-align: center; margin-bottom: 10px;">  </div> <p>1 salinan</p>	 
	Syarikat Enterprise / PLT <ul style="list-style-type: none"> - Borang D (Perakuan Pendaftaran Syarikat) - Maklumat pemilik masa kini (mempunyai alamat premis dipohon) - Maklumat pemilik masa kini 	<div style="text-align: center; margin-bottom: 10px;">  </div> <p>1 salinan</p>	 
2.	Salinan kad pengenalan Pemohon (Pemilik Syarikat / Direktor)	1 salinan	

3.	Gambar berwarna berukuran passport	2 keping	
4.	Perjanjian penyewaan premis atau perjanjian jual beri atau surat tawaran penyewaan	1 salinan	
5.	Lakaran pelan lokasi	1 salinan	
6.	Pelan lantai	1 salinan	
7.	Salinan sijil akuan kelayakan menduduki bangunan (SAKMB)/ sijil perakuan siap dan pematuhan (CCC)/ permit sementara bangunan/ surat kelulusan pindaan bangunan/ kelulusan ubah kegunaan yang telah diluluskan oleh Majlis Daerah Hulu Terengganu	1 salinan setiap pekerja	
8.	Lakaran visual papan iklan	1 salinan	

7. DOKUMEN TAMBAHAN MENGIKUT JENIS AKTIVITI

Pemohon dikehendaki untuk mengemukakan satu (1) salinan dokumen sokongan berdasarkan aktiviti perniagaan yang dijalankan sebagaimana berikut:


Bil	Aktiviti	Sokongan Yang Diperlukan
1.	Taman Tema (melibatkan mesin permainan)	Dokumen sokongan keselamatan peralatan permainan daripada NIOSH, SIRIM, Jabatan Jentera Dan Mesin (Bagi taman tema/melibatkan mesin permainan)
2.	Zoo/ Pameran Binatang	Dokumen sokongan daripada Jabatan Perlindungan Hidupan Liar Dan Taman Negara (Perhilitan)
3.	Taman Bunga/ Orkid	Dokumen sokongan daripada Jabatan Perlindungan Hidupan Liar Dan Taman Negara (Perhilitan)

8. KADEAH PERMOHONAN LESEN PREMIS TRED PERNIAGAAN, PERINDUSTRIAN DAN IKLAN

8.1 Kaedah Permohonan

<p>Manual (Borang permohonan boleh didapati di Kaunter Pelesenan, Pejabat Majlis Daerah Hulu Terengganu dan serahkan borang permohonan lengkap beserta dokumen lampiran secara manual di Kaunter Pelesenan MDHT)</p>	<p>Kaunter Bahagian Pelesenan Pejabat Majlis Daerah Hulu Terengganu 21700 Kuala Berang</p> <p>Waktu Operasi Kaunter: Ahad – Rabu 8.00 pagi – 5.00 petang Khamis 8.00 pagi – 3.30 petang</p> <p>No. Tel: 09-6811466 /6811149 Faks: 09-6811655 Email: mdht@terengganu.gov.my Lawan sesawang: www.mdht.gov.my</p>
---	---

9. CARTA ALIR PERMOHONAN LESEN



10. SYARAT PEMATUHAN

A) Syarat – Syarat Am Bagi Lesen Lesen Hiburan Dan Tempat Hiburan

- 1) Lesen hanya sah mulai tarikh bayar sehingga tarikh tamat yang dicetak pada lesen.
- 2) Pemegang lesen hendaklah mempamerkan pada setiap masa di tempat ketara di tempat hiburan iaitu lesen berkenaan dengan tempat hiburan dan aktiviti hiburan yang diadakan di tempat hiburan.
- 3) Setiap permohonan lesen diwajibkan memohon lesen iklan secara serentak sekiranya lesen iklan belum dipohon pada permohonan lesen premis makanan.
- 4) Memastikan pembinaan premis, susunan tempat duduk, keperluan-keperluan perkhidmatan bomba, pencahayaan, elektrik, gentian udara dan pepasangan mekanikal adalah mengikut undang-undang berhubung denganya.
- 5) Pemegang lesen hendaklah pada setiap masa, menjaga kebersihan tempat hiburannya.
- 6) Pemegang lesen hendaklah menyediakan dan menyelenggara bekas-bekas sampah yang sesuai dan mencukupi dan diletakkan di tempat yang sempurna dan dikosongkan seberapa kerap yang perlu.
- 7) Pemegang lesen hendaklah mengawasi **paras bunyi** disebabkan oleh hiburan yang disediakan di dalam tempat hiburannya dan memastikan bahawa bunyi demikian tidak mewujudkan **kacau ganggu**.
- 8) Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa hiburan yang diadakan tidak menyebabkan kesesakan lalu lintas atau bahaya pada lalulintas.
- 9) Pemegang lesen hendaklah memastikan terdapat tandas berasingan bagi lelaki dan perempuan dan kemudahan tandas dalam keadaan baik dan bersih setiap masa, setiap tanda dilengkapi pili, baldi, dan hos untuk bersuci, dilengkapi kertas tandas, sabun, atau bahan pencuci, tong sampah, dan pengering elektrik atau tuala bersih atau kertas tisu, pencahayaan mencukupi sama ada asli atau mekanikal dan bekalan air mestilah ada setiap masa.
- 10) Pemegang lesen hendaklah menyediakan di tempat hiburan itu kotak-kotak pertolongan cemas yang mencukupi dan lengkap dengan maksud demikian.
- 11) Pemegang lesen hendaklah memastikan semua peralatan menentang kebakaran diselenggara dengan wajar dan boleh digunakan dengan baik, tangga, laluan, pelantar dan jalan keluar bebas halangan dan semua pintu keluar tidak berkunci sewaktu beroperasi.
- 12) Pemegang lesen hendaklah menyediakan untuk pekerja-pekerjanya tempat yang selamat dan sihat di tempat hiburan
- 13) Setiap pusat hiburan hendaklah mendapat cahaya yang secukupnya dalam waktu beroperasi, sistem cahaya kecemasan hendaklah disediakan dan diselenggara di semua tangga keluar, laluan keluar dan tempat keluar dari premis itu dan peruntukkan hendaklah dibuat bagi pencahayaan automatik bagi sistem pencahayaan kecemasan sekiranya terdapat kegagalan pada sistem pencahayaan umum.
- 14) Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa terdapat gantian udara yang secukupnya di tempat hiburan dan dijaga dan boleh diguna dengan baik pada setiap masa.

- 15) Tiada warung, gerai atau struktur lain boleh dibina di dalam pusat hiburan melainkan diluluskan oleh pegawai pelesen.
- 16) Tiada hiburan lain selain daripada yang dinyatakan dalam lesen boleh dibenarkan dalam tempat hiburan.
- 17) Bilangan mesin bagi mana-mana permainan yang dibenarkan dalam tempat hiburan boleh melebihi bilangan yang dinyatakan dalam lesen.
- 18) Pemegang lesen hendaklah memastikan tiada keadaan penuh sesak berlaku di dalam premisnya.
- 19) Tiada hiburan yang lucah atau ganas boleh dibenarkan di dalam mana-mana tempat hiburan.
- 20) Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa pelakon-pelakon dalam mana-mana tempat hiburan berpakaian sopan.
- 21) Tiada orang yang mabuk dibenarkan masuki atau berada di dalam mana-mana tempat hiburan.
- 22) Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa tiada pertaruhan, loteri atau perjudian sebagaimana yang ditarik dalam Akta Rumah Perjudian Terbuka 1953 [Akta 289] atau Ordinan Pertaruhan 1953 [Ord.47/1953] dijalankan dalam suatu tempat hiburan.
- 23) Tiada radas yang berupaya membuat pelarasan boleh digunakan dalam apa-apa permainan untuk mengubah peluang seseorang pemain daripada mencapai tujuannya.
- 24) Sesorang pemegang lesen hendaklah mengendalikan sesuatu tempat hiburan dalam masa yang ditetapkan oleh Pegawai Pelesen.
- 25) Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa tiada minuman yang memabukkan dihidangkan atau diminum di dalam sesuatu tempat hiburan melainkan suatu lesen minuman keras telah dikeluarkan kepadanya oleh Lembaga Pelesenan yang ditubuhkan di bawah Akta Eksais 1976.
- 26) Hiburan berbentuk lucah dan ganas tidak dibenarkan.
- 27) Tidak dibenarkan membawa masuk, mengedor, menjual, mangambil dan menghisap dadah atau bahan terlarang.
- 28) Alkohol adalah tidak dibenarkan melainkan premis tersebut telah mendapatkan kelulusan Lesen Minuman Keras daripada pihak berkuasa negeri.
- 29) Tiada orang islam dibenarkan meminum minuman keras atau alkohol di dalam tempat hiburan
- 30) Tidak dibenarkan mana-mana orang membawa senjata di dalam apa bentuk di dalam tempat hiburan.
- 31) Tidak boleh ada aktiviti Pegawai Perhubungan Pelanggan (GRO) dibenarkan berada di dalam tempat hiburan.
- 32) Tidak dibenarkan aktiviti berbentuk mempelawa untuk pelacuran.
- 33) Tidak ada gambar-gambar atau tayangan lucah diadakan dalam tempat hiburan.
- 34) Dilarang dijadikan tempat sebagai tempat pergaduhan dalam apa bentuk juapun.
- 35) Tidak dibenarkan mana-mana orang menjual dadah, pil atau cecair yang boleh mengkhayalkan di dalam tempat hiburan.
- 36) Semua pusat hiburan **HANYA** dibenarkan beroperasi bermula **10.00 pagi** sehingga **pukul 12.00 tengah malam** kecuali di tempat-tempat yang telah dizonkan melebihi **pukul 12.00 tengah malam**.

- 37) Tempoh masa / hari yang dilarang beoperasi kecuali mendapatkan kebenaran daripada **Duli Yang Maha Mulia Sultan** :
- i. **Malam Jumaat (daripada pukul 6.00 petang hari khamis hingga pukul 3.00 petang hari Jumaat).**
 - ii. **Hari Maulud Nabi (daripada pukul 6.00 petang hari sebelumnya hingga 6.00 petang hari itu).**
 - iii. **Hari Mi'kraj (daripada pukul 6.00 petang hari sebelumnya hingga 6.00 petang hari itu).**
 - iv. **Hari Nisfu Syaaban (daripada pukul 6.00 petang hari sebelumnya hingga 6.00 petang hari itu).**
 - v. **Hari Pertama Raya Puasa / Aidilfitri (daripada pukul 6.00 petang hari sebelumnya hingga 2.00 petang hari itu).**
 - vi. **Hari Pertama Raya Puasa / Aidil Adha (daripada pukul 6.00 petang hari sebelumnya hingga 9.30 malam hari itu).**
 - vii. **Hari Dalam Bulan Ramadhan (daripada pukul 6.00 petang hingga 9.30 malam)Awal Muharam / Maal Hijrah (daripada pukul 6.00 petang hari sebelumnya hingga pukul 3.00 petang hari itu).**
- 38) Mesti memasang kamera litar tertutup (CCTV) di dalam tempat hiburan untuk merakam aktiviti di dalam tempat hiburan.
- 39) Tiada seseorang dibawah umur **12 tahun** boleh dibenarkan masuk atau berada di dalam tempat hiburan kecuali diiringi oleh ibu bapa atau penjaga yang sah.
- 40) Memastikan tiada pekerja tanpa izin atau pekerja-pekerja tanpa permit yang sah bekerja di tempat hiburan.
- 41) Mematuhi semua syarat-syarat di dalam **peruntukan Enakmen Hiburan dan Tempat-Tempat hiburan 2002 dan Kaedah-Kaedah Hiburan dan Tempat-Tempat Hiburan 2003**.
- 42) Pegawai Pelesen boleh membatalkan lesen ini pada bila-bila masa jika berlaku mana-mana pelanggaran syarat atau sekatan lesen ini atau mana-mana **peruntukan Enakmen Hiburan dan Tempat-Tempat hiburan 2002 dan Kaedah-Kaedah Hiburan dan Tempat-Tempat Hiburan 2003**.
- 43) Menjelaskan segala **Cukai Hiburan di Pejabat Cukai Hiburan Perbendaharaan Negeri Terengganu** terlebih dahulu.
- 44) Pegawai Pelesen boleh meminda mana-mana syarat atas budi bicaranya.

B) Syarat Tambahan Bagi Pawagam

- a. Masa pertunjukan adalah bermula pada jam 10.30 pagi hingga 12 tengah malam kecuali pada hari khamis sehingga 6.00 petang dan hari jumaat bermula 6.00 petang hingga 12 tengah malam.
- b. Pertunjukan ditegah pada hari-hari kebesaran Islam seperti Maulidur Rasul, Israk Mikraj, Nisfu Syaaban, Aidifitri dan Aidiladha bermula jam 6.00 petang hari sebelum 6.00 petang hari itu.
- c. Pertunjukan tidak dibenarkan pada waktu siang di bulan Ramadhan.
- d. Tempat duduk penontong lelaki dan Wanita hendaklah diasingkan mengikut tiga (3) lokasi iaitu :
 - i) Lokasi Lelaki – untuk semua individu atau kumpulan penonton lelaki sahaja.

- ii) Lokasi Wanita – untuk semua individu atau kumpulan penonton wanita sahaja.
- iii) Lokasi Keluarga – untuk keluarga, pasangan suami isteri atau mahram.
- e. Tempat solat hendaklah disediakan.
- f. Penonton yang beragama islam hendaklah perpakaian menutup aurat manakala bukan muslim hendaklah berpakaian sopan dengan maksud tidak terlalu ketat, jarang dan singkat.
- g. Penonton tidak dibenarkan membawa minuman yang memabukkan.
- h. Sebarang aktiviti berunsur perjudian adalah tidak dibenarkan.

11. CAGARAN / DEPOSIT BAGI LESEN HIBURAN DAN TEMPAT HIBURAN


- i. Sebelum memberikan sesuatu lesen di bawah Enakmen ini, menghendaki mana-mana orang supaya memberikan cagaran, yang tidak boleh melebihi RM 20,000.00 (Ringgit Malaysia : Dua Puluh Ribu Sahaja) dalam bentuk yang ditentukan oleh pegawai pelesen bagi memastikan bahawa apa-apa syarat atau sekatan lesen itu atau peruntukan-peruntukan enakmen ini atau mana-mana kaedah adalah dipatuhi.
- ii. Pegawai pelesen boleh, selepas memberi pemegang lesen peluang untuk didengar, melucutahkan kesemua atau sebahagian daripada cagaran itu jika Pegawai Pelesen itu berpuas hati bahawa terdapat pelanggaran mana-mana syarat atau sekatan lesen itu atau pelanggaran mana-mana peruntukan Enakmen ini atau mana-mana kaedah.

12. SYARAT-SYARAT BAGI PEMASANGAN IKLAN PREMIS

- i. Visual iklan yang hendak dipamerkan hendaklah dalam **Bahasa Malaysia** samada dengan sendirinya atau bersama bahasa lain.
- ii. Jika tulisan lain-lain bahasa digunakan, perkataan atau huruf dalam **Bahasa Malaysia** hendaklah **30% lebih besar** dari mana-mana bahasa lain.
- iii. **Tulisan jawi adalah diwajibkan** pada semua iklan termasuklah **billboard, banting, banner, poster dan papan tanda iklan**. Penggunaan tulisan jawi versi Pedoman Ejaan Jawi yang disempurnakan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).
- iv. Bahasa Malaysia hendaklah digunakan dengan betul dan menurut penggunaan umum dari segi ejaan, tulisan, tatabahasa, terjemahan dan lain-lain kaedah.
- v. Tiada seorangpun boleh menggunakan apa-apa perkataan, **logo atau tanda “Halal” atau “Ditanggung Halal”** tanpa mendapat sijil pengesahan halal daripada mana-mana pihak berkuasa berkenaan.
- vi. Visual iklan yang mempamerkan iklan **minuman keras, rokok, gambar menjolok mata, kurang sopan dan lucu** adalah dilarang / tidak dibenarkan.
- vii. Permohonan **lesen iklan premis perniagaan** mestilah dihantar bersama **permohonan lesen perniagaan** (Jika pemohon tidak pamer iklan pada premis. Pemohon perlu mengemukakan surat).
- viii. Iklan atau papan tanda **tidak boleh dipasang** sebelum lesen diperolehi.
- ix. Pemohon hendaklah menyediakan ilustrasi / visual iklan seperti yang ditetapkan seperti dibawah :

- Lakaran menunjukkan ukuran papan tanda (unit meter).
- Menyatakan aktiviti perniagaan dalam Bahasa Malaysia.
- Nama syarikat di sudut bawah sebelah kanan.
- Meletakan perkataan **MDHT/NO.AKUAN LESEN / LOGO MAJLIS** pada ilustrasi / visual yang dihantar di sudut bawah **sebelah kiri**.
- **Nama syarikat** di sudut bawah sebelah kanan.
- Nyatakan samada iklan berbahaya atau tidak.
- Lakaran menunjukkan cadangan iklan dipasang.

13. CONTOH LAKARAN IKLAN



14. PEMBAHARUAN LESEN HIBURAN DAN TEMPAT HIBURAN

a) Syarat Pembaharuan Lesen

- i. Sesuatu lesen tidaklah diboleh diperbaharui sebagai sebuah suatu hak dan sesuatu permohonan untuk memperbaharui sesuatu lesen hendaklah dikira sebagai permohonan untuk mendapatkan lesen.
- ii. Permohonan pembaharuan perlu mengisi borang permohonan lesen hiburan dan menghantar permohonan tiga (3) bulan sebelum tamat tempoh lesen.

b) Syarat Pembaharuan Lesen


Permohonan pembaharuan lesen boleh dibuat dengan melalui borang permohonan lesen hiburan dengan mengemukakan dokumen sokongan sebagaimana yang dinyatakan di dalam borang.

c) Cara Pembayaran

- Melalui kaunter di Pejabat MDHT
- Melalui JomPay

Biller Code :866517
Ref 1: No. Akuan Lesen
Ref 2: No. Telefon

Carta Alir Permohonan Pembaharuan Lesen Hiburan



15. FI LESEN

A. Bayaran Asas Permohonan Lesen

Bil	Item	Fi (RM)	Kaedah Pembayaran	Bayaran
1.	Borang Permohonan	6.00	Tunai / JomPay	Semasa mendapatkan borang permohonan
2.	Bayaran Proses Permohonan	20.00	Tunai / JomPay	Semasa permohonan diterima dan diproses
4.	Fi Lesen	Ditetapkan Mengikut Jenis Aktiviti	Tunai / JomPay	Selepas permohonan diluluskan
5.	Fi Iklan	Ditetapkan Mengikut Saiz	Tunai / JomPay	Selepas permohonan diluluskan

B. Bayaran Fi Lesen Iklan

Undang-Undang Kecil Iklan MDHT 1983

Bil	Jenis Iklan		Fi (RM)
1.	Iklan Tidak Berbahaya	<ul style="list-style-type: none"> • Bagi 9 meter persegi pertama. • Bagi tiap-tiap satu meter persegi tambahan <p>Bayaran iklan yang menggunakan tulisan jawi adalah setengah daripada kadar yang dinyatakan</p>	50.00 5.00
2	Iklan Berbahaya	<ul style="list-style-type: none"> • Bagi 9 meter persegi pertama. • Bagi tiap-tiap satu meter persegi tambahan <p>Bayaran iklan yang menggunakan tulisan jawi adalah setengah daripada kadar yang dinyatakan</p>	80.00 8.00

C. Kadar Bayaran Fi Leseen Mengikut Aktiviti Perniagaan

JADUAL KETIGA
ENAKMEN HIBURAN DAN TEMPAT-TEMPAT HIBURAN 2002
(Enakmen No.12 Tahun 2002)
KAEDAH-KAEDAH HIBURAN DAN TEMPAT-TEMPAT HIBURAN 2003
(Subkaedah 8(1))

Jenis Hiburan	Fi RM
1) Biliard/Snooker atau seumpamanya:	
(a) Satu meja berukuran tidak lebih 1.52m x 3.05m	55.00 setahun atau sebahagian daripadanya
(b) Satu meja berukuran lebih daripada 1.52m x 3.05m	88.00 setahun atau sebahagian daripadanya
2) Boling:	
(a) Dalam bangunan—satu Lorong	33.00 setahun atau sebahagian daripadanya
(b) “Green Bowl”—satu padang	55.00 setahun atau sebahagian daripadanya
3) Mesin Permainan Kanak-kanak (termasuk “kiddy rides”, “joyrides”, “moonwalk”, “spacewalk” dan sebagainya):	
Satu mesin	22.00 setahun atau sebahagian daripadanya
4) Sinematograf/Sinema	
(a) Satu Panggung Wayang/Sinema	330.00 setahun atau sebahagian daripadanya
(b) Di Tempat Terbuka	55.00 setiap pertunjukan
5) Sarkas	150.00 setiap sesi
6) Pameran Binatang	250.00 setiap sesi
7) Meja Pin Atau Permainan Video	50.00 sebulan atau sebahagian daripadanya

8) Pertunjukan Bunga Api/Alatan Set. Perhiasan Peringatan Dan Rupaan Makhluk-Makhluk Benar Atau Khayalan	50.00 sehari atau sebahagian daripadanya
9) Pameran Model, Bahan Bacaan, Gambar, Fotograf, Ukiran Atau Rupaan Patung Atau Rupaan-Rupaan Lain Berbentuk Manusia Atau Binatang	50.00 sehari atau sebahagian daripadanya
10) Apa-Apa Jenis Pertandingan Sukan Antara Apa-Apa Bilangan Orang Atau Binatang	50.00 sehari atau sebahagian daripadanya
11) Permainan-Permainan Komputer: Satu unit	10.00 setahun atau sebahagian daripadanya
12) Makan Malam	110.00 setiap sesi
13) Tarian	50.00 setiap sesi
14) Pertunjukan Fesyen/Pertandingan Kecantikan	110.00 setiap sesi
15) Pesta Ria:	
Satu Warung/gerai/khemah/kepunguan	55.00 sehari
16) Luncur Ais/Roda:	
Satu arena	22.00 setiap sesi
17) Mesin Hiburan/ “Juke Box”:	
Satu mesin	100.00 sebulan atau sebahagian daripadanya
18) Muzik/Nyanyian dan Tarian: (Dalam “Pub”, “Coffe House”, Disko, Dewan Tarian, Auditorium, “Lounge” atau Kelab Malam)	
a) Muzik dan Nyanyian	220.00 setahun atau sebahagian daripadanya
b) Muzik/ “Live Band”	110.00 sehari
c) Tarian (Satu Dewan)	220.00 setahun

19) Pertunjukan Pentas:

- | | |
|--|---------------------------|
| a) Pertunjukan Kebudayaan (Drama, Opera, Boria, Mak Yong, Menora, Wayang Kulit Show, Rodat, Hadrah dll). | 55.00 setiap pertunjukan |
| b) Konsert | 220.00 setiap pertunjukan |
- 20) Hiburan Lain Yang Diluluskan oleh Pihak Berkuaesa Negeri 200.00 setahun atau sebahagian daripadanya

JADUAL KEEMPAT

ENAKMEN HIBURAN DAN TEMPAT-TEMPAT HIBURAN 2002

(Enakmen No.12 Tahun 2002)

KAEDAH-KAEDAH HIBURAN DAN TEMPAT-TEMPAT HIBURAN 2003

(Subkaedah 8(2))

F1 BAGI LESEN UNTUK MEMBUKA TEMPAT HIBURAN

	Tempat Hiburan	Setahun RM	Sebulan RM	Sehari RM
1) Auditorium/Dewan:				
i.	Tidak melebihi 200 tempat duduk	400.00	-	-
ii.	Melebihi 200 tempat duduk tetapi tidak melebihi 400 tempat duduk	800.00	-	-
iii.	Melebihi 400 tempat duduk tetapi tidak melebihi 600 tempat duduk	1,000.00	-	-
iv.	Melebihi 600 tempat duduk tetapi tidak melebihi 800 tempat duduk	1,400.00	-	-
v.	Melebihi 800 tempat duduk tetapi tidak melebihi 1,000 tempat duduk	1,600.00	-	-
vi.	Melebihi 1,000 tempat duduk tetapi tidak melebihi 1200 tempat duduk	1,800.00	-	-
vii.	Melebihi 1,201 tempat duduk	2,000.00	-	-
viii.	Lesen sementara	-	-	50.00

Tempat Hiburan	Setahun RM	Sebulan RM	Sehari RM
2) sinema/Panggung:			
i. Tidak melebihi 200 tempat duduk	400.00	-	-
ii. Melebihi 200 tempat duduk tetapi tidak melebihi 400 tempat duduk	900.00	-	-
iii. Melebihi 400 tempat duduk tetapi tidak melebihi 600 tempat duduk	1,100.00	-	-
iv. Melebihi 600 tempat duduk tetapi tidak melebihi 800 tempat duduk	1,550.00	-	-
v. Melebihi 800 tempat duduk tetapi tidak melebihi 1,000 tempat duduk	1,800.00	-	-
vi. Melebihi 1,000 tempat duduk tetapi tidak melebihi 1200 tempat duduk	2,000.00	-	-
vii. Melebihi 1,201 tempat duduk	2,200.00	-	-
viii. Lesen sementara	-	-	50.00
3) Pusat Hiburan/Taman Hiburan (Dalam Bangunan)			
i. Luas lantai tidak melebihi 30 meter persegi	300.00	-	-
ii. Luas lantai melebihi 30 meter persegi tetapi tidak melebihi 60 meter persegi	500.00	-	-
iii. Luas lantai melebihi 60 meter persegi tetapi tidak melebihi 90 meter	800.00	-	-
iv. Luas lantai melebihi 90 meter persegi	1,100.00	-	-

	Tempat Hiburan	Setahun RM	Sebulan RM	Sehari RM
4) Pusat Hiburan/Taman Hiburan (Luar Bangunan)				
i. Keluasan tidak melebihi 30 meter persegi	150.00	-	-	
ii. Keluasan melebihi 30 meter persegi tetapi tidak melebihi 60 meter persegi	250.00	-	-	
iii. Keluasan melebihi 60 meter persegi tetapi tidak melebihi 90 meter persegi	400.00	-	-	
iv. Luas lantai melebihi 90 meter persegi	550.00	-	-	
5) Pesta Ria				500.00
6) Gelanggang Boling	1,100.00	-	-	
7) Green Bowl	550.00	-	-	
8) Gelanggang Luncur	1,000.00	-	-	
9) Mesin Hiburan ("Kiddy Rides"/ "Juke Boxes"/ Karaoke Atau Mesin atau peranti yang, ketika dimanipulasi, memberikan peluang untuk mendapati hadiah-hadiah dalam bentuk wang atau barang) di tempat-tempat selain daripada di Pusat Hiburan atau Tempat Hiburan				
Satu mesin	20.00	-	-	
10) Dewan Tarian/Disko/Kabaret/ Kelab Malam(Dalam Bangunan)				
i. Luas lantai tidak melebihi 30 meter persegi	400.00	-	-	
ii. Luas lantai melebihi 30 meter persegi tetapi tidak melebihi 60 meter persegi	600.00	-	-	

Tempat Hiburan	Setahun RM	Sebulan RM	Sehari RM
11) Tempat Tarian/Disko/Kabaret/ Kelab Malam (Luar Bangunan)			
i. Keluasan lantai tidak melebihi 30 meter persegi	200.00	-	-
ii. Keluasan lantai melebihi 30 meter persegi tetapi tidak melebihi 60 meter persegi	300.00	-	-
iii. Keluasan lantai melebihi 60 meter persegi tetapi tidak melebihi 90 meter persegi	450.00	-	-
iv. Keluasan lantai melebihi 90 meter persegi	600.00	-	-
v. Cabaret melebihi 90 meter persegi	1,100.00	-	-
vi. Lessen sementara	-	-	100.00
12) Snooker /billiard atau Seumpamanya :			
i. Tidak melebihi 5meja	500.00	-	-
ii. Melebihi 5 meja tetapi tidak melebihi 10 meja	1,000.00	-	-
iii. Melebihi 10 meja tetapi tidak melebihi 20 meja	1,500.00	-	-
iv. Melebihi 20 meja tetapi tidak melebihi 30 meja	2,000.00	-	-
v. Melebihi 30 meja tetapi tidak melebihi 40 meja	2,500.00	-	-
vi. Melebihi 40 meja tetapi tidak melebihi 50 meja	3,000.00	-	-
vii. Melebihi 50 meja	50.00 bagi setiap meja tambahan	-	-

	Tempat Hiburan	Setahun RM	Sebulan RM	Sehari RM
13) Stadium :				
i. Tidak melebihi 1,000.00 tempat duduk	400.00	-	-	
ii. Melebihi 1,000.00 tempat duduk	800.00	-	-	
iii. Lesen sementara	-	-	-	
14) Ruang Legar/Dewan/Kawasan Terbuka Yang Digunakan Untuk Pameran Atau Pertandingan :				
i. Luas lantai tidak melebihi 100 meter persegi	100.00	-	-	
ii. Luas lantai melebihi 100 meter persegi tetapi tidak melebihi 150 meter persegi	200.00	-	-	
iii. Luas lantai melebihi 150 meter persegi tetapi tidak melebihi 200 meter persegi	300.00	-	-	
iv. Luas lantai melebihi 200 meter persegi	500.00	-	-	
v. Lesen sementara	-	-	100.00	
15) Sarkas	-	-	200.00	
16) Lain-lain Hiburan				
Permainan Tradisional dan lain-lain hiburan	-	-	50.00	sehari

Bertarikh 19 mei 2004
 [SUK Tr . 1200/381 Bhg. 2 ;
 PUN. Tr 15/108 (7)]

16. KEPUTUSAN PERMOHONAN

Output	Lesen Perniagaan Tred, Perniagaan, Perindustrian Dan Iklan
Kaedah Penyampaian keputusan kepada pemohon	<ul style="list-style-type: none">Pengeluaran surat tawaran lesen (pos/ serahan tangan/ pengambilan di kaunter Pelesenan MDH)Panggilan telefon

17. PEMBATALAN LESEN

Pemilik lesen yang ingin membatalkan lesen boleh menghantar surat permohonan pembatalan lesen secara rasmi ke Bahagian Pelenan di Kaunter Pelesenan Majlis Daerah Hulu Terengganu

18. BORANG PERMOHONAN

RM 6.00 SENASKAH



**MAJLIS DAERAH HULU TERENGGANU
21700 KUALA BERANG, TERENGGANU
TEL : 09-6811466 / 09-6811149 FAX : 09-6811655
EMAIL : mdht@terengganu.gov.my**

BORANG LESEN HIBURAN, PERMAINAN DAN TEMPAT-TEMPAT HIBURAN

UNTUK KEGUNAAN PEJABAT :

UNTUK KEGUNAAN PENERIMAAN BORANG KAKITANGAN DI KAUNTER

Borang ini diterima oleh : _____

Tandatangan : _____

Nama : _____

No. rujukan : _____

Cap terima

SALINAN PEMOHON



AKUAN PENERIMAAN BORANG PERMOHONAN LESEN TEMPAT HIBURAN

permohonan (No.Rujukan : _____)

Sebarang maklumat mengenai permohonan anda boleh berusau di bahagian pelesenan dengan menghubungi talian berikut :
09-6811446 / 09-6811149

Cap terima

||| BAHAGIAN PELESENAN MAJLIS DAERAH HULU TERENGGANU, 21700 KUALA BERANG, TERENGGANU ||| TEL : 09-6811466 / 09-6811149 ||| FAX : 09-6811655

Panduan Mengisi Borang Permohonan

1. Lengkapkan borang ini dengan HURUF BESAR menggunakan pen mata hitam atau biru tua sahaja.
2. Isi keterangan di ruang yang disediakan.
3. Bayaran proses : RM 20.00
4. Setiap Salinan dokumen yang dilampirkan hendaklah menggunakan saiz kertas tidak kurang daripada saiz A4.

Bahagian A

Garis Panduan Bagi Permohonan Lesen Hiburan dan Tempat-Tempat Hiburan

1. Dokumen Yang diperlukan

- | | |
|--|--|
| 1.1 Salinan Kad pengenalaman | 1.4 Perjanjian Penyewaan Premis atau Perjanjian Jual Beli atau Salinan surat tawaran penyewaan. |
| 1.2 Syarikat Sendirian Berhad
-Borang 9 (Perakuan Pemerbadanan Syarikat Sendirian)
-MAA (Memorandum And Articles Of Association) - 1 set
-Borang 24 (Pemegang Saham)
-Borang 49 (Pemilikan Syarikat) | 1.5 Pelan lantai premis |
| | 1.6 Dua keping gambar premis, luar dan dalam |
| 1.3 Syarikat Enterprise / PLT
-Borang D (Perakuan Pendaftaran Perniagaan)
-Maklumat Perniagaan (mempunyai alamat premis dipohon)
-Maklumat Pemilik Masa Kini | 1.7 Dua keping gambar pemohon berukuran pasport |
| | 1.8 Dokumen sokongan keselamatan peralatan permainan daripada, NIOSH, SIRIM, Jabatan Jentera dan Mesin (Bagi Taman Tema) |
2. Syarat-syarat atau sekatan-sekatan lesen hiburan dan tempat-tempat hiburan.
- 2.1 Lesen hanya sah mulai tarikh bayar sehingga tarikh tamat yang dicetak pada lesen.
 - 2.2 Pemegang lesen hendaklah mempamerkan pada setiap masa di tempat ketara di tempat hiburan iaitu lesen berkenaan dengan tempat hiburan dan aktiviti hiburan yang diadakan di tempat hiburan.
 - 2.3 Setiap permohonan lesen diwajibkan memohon lesen iklan secara serentak sekiranya lesen iklan belum dipohon pada permohonan lesen premis makanan.
 - 2.4 Memastikan pembinaan premis, susunan tempat duduk, keperluan-keperluan perkhidmatan bomba, pencahayaan, elektrik, gentian udara dan pepasangan mekanikal adalah mengikut undang-undang berhubung dengannya.
 - 2.5 Pemegang lesen hendaklah pada setiap masa, menjaga kebersihan tempat hiburannya.
 - 2.6 Pemegang lesen hendaklah menyediakan dan menyelenggara bekas-bekas sampah yang sesuai dan mencukupi dan diletakkan di tempat yang sempurna dan dikosongkan seberapa kerap yang perlu
 - 2.7 Pemegang lesen hendaklah mengawasi paras bunyi disebabkan oleh hiburan yang disediakan di dalam tempat hiburannya dan memastikan bahawa bunyi demikian tidak mewujudkan kacau ganggu.
 - 2.8 Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa hiburan yang diadakan tidak menyebabkan kesesakan lalu lintas atau bahaya pada lalulintas.
 - 2.9 Pemegang lesen hendaklah memastikan terdapat tandas berasingan bagi lelaki dan perempuan dan kemudahan tandas dalam keadaan baik dan bersih setiap masa, setiap tanda dilengkapi pili, baldi, dan hos untuk bersuci, dilengkapi kertas tandas, sabun, atau bahan pencuci, tong sampah, dan pengering elektrik atau tuala bersih atau kertas tisu, pencahayaan mencukupi sama ada asli atau mekanikal dan bekalan air mestilah ada setiap masa.

- 2.10 Pemegang lesen hendaklah menyediakan di tempat hiburan itu kotak-kotak pertolongan cemas yang mencukupi dan lengkap dengan maksud demikian.
- 2.11 Pemegang lesen hendaklah memastikan semua peralatan menentang kebakaran diselenggara dengan wajar dan boleh digunakan dengan baik, tangga, laluan, pelantar dan jalan keluar bebas halangan dan semua pintu keluar tidak berkunci sewaktu beroperasi.
- 2.12 Pemegang lesen hendaklah menyediakan untuk pekerja-pekerjanya tempat yang selamat dan sihat di tempat hiburan
- 2.13 Setiap pusat hiburan hendaklah mendapat cahaya yang secukupnya dalam waktu beroperasi, sistem cahaya kecemasan hendaklah disediakan dan diselenggara di semua tangga keluar, laluan keluar dan tempat keluar dari premis intu dan peruntukkan hendaklah dibuat bagi pencahayaan otomatik bagi sistem pencahayaan kecemasan sekiranya terdapat kegagalan pada sistem pencahayaan umum.
- 2.14 Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa terdapat gantian udara yang secukupnya di tempat hiburan dan dijaga dan boleh diguna dengan baik pada setiap masa.
- 2.15 Tiada warung, gerai atau struktur lain boleh dibina di dalam pusat hiburan melainkan diluluskan oleh pegawai pelesen
- 2.16 Tiada hiburan lain selain daripada yang dinyatakan dalam lesen boleh dibenarkan dalam tempat hiburan.
- 2.17 Bilangan mesin bagi mana-mana permainan yang dibenarkan dalam tempat hiburan boleh melebihi bilangan yang dinyatakan dalam lesen.
- 2.18 Pemegang lesen hendaklah memastikan tiada keadaan penuh sesak berlaku di dalam premisnya.
- 2.19 Tiada hiburan yang lucu atau ganas boleh dibenarkan di dalam mana-mana tempat hiburan.
- 2.20 Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa pelakon-pelakon dalam mana-mana tempat hiburan berpakaian sopan.
- 2.21 Tiada orang yang mabuk dibenarkan masuk atau berada di dalam mana-mana tempat hiburan.
- 2.22 Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa tiada pertaruhan, loteri atau perjudian sebagaimana yang ditarifkan dalam Akta Rumah Perjudian Terbuka 1953 [Akta 289] atau Ordinan Pertaruhan 1953 [Ord.47/1953] dijalankan dalam suatu tempat hiburan.
- 2.23 Tiada radas yang berupaya membuat pelarasan boleh digunakan dalam apa-apa permainan untuk mengubah peluang seseorang pemain daripada mencapai tujuannya.
- 2.24 Sesorang pemegang lesen hendaklah mengendalikan sesuatu tempat hiburan dalam masa yang ditetapkan oleh Pegawai Pelesen.
- 2.25 Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa tiada minuman yang memabukkan dihidangkan atau diminum di dalam sesuatu tempat hiburan melainkan suatu lesen minuman keras telah dikeluarkan kepadaanya oleh Lembaga Pelesenan yang ditubuhkan di bawah Akta Eksais 1976
- 2.26 Tiada orang Islam dibenarkan meminum minuman keras atau alkohol di dalam tempat hiburan
- 2.27 Tidak dibenarkan mana-mana orang membawa senjata di dalam apa bentuk di dalam tempat hiburan
- 2.28 Tidak boleh ada aktiviti Pegawai Perhubungan Pelanggan (GRO) dibenarkan berada di dalam tempat hiburan
- 2.29 Tidak dibenarkan aktiviti berbentuk mempelawa untuk pelacuran

- 2.30 Tidak ada gambar-gambar atau tayangan lucu diadakan dalam tempat hiburan
- 2.31 Dilarang dijadikan tempat sebagai tempat pergaduhan dalam apa bentuk jua pun
- 2.32 Tidak dibenarkan mana-mana orang menjual dadah, pil atau cecair yang boleh menghayalkan di dalam tempat hiburan
- 2.33 Semua pusat hiburan HANYA dibenarkan beroperasi bermula 10.00 pagi sehingga pukul 12.00 tengah malam kecuali di tempat-tempat yang telah dizonkan melebihi pukul 12.00 tengah malam
- 2.34 Tempoh masa / hari yang dilarang beroperasi kecuali mendapatkan kebenaran daripada Duli Yang Maha Mulia Sultan :
- i. Malam Jumaat (daripada pukul 6.00 petang hari khamis hingga pukul 3.00 petang hari jumaat)
 - ii. Hari Maulud Nabi (daripada pukul 6.00 petang hari sebelumnya hingga 6.00 petang hari itu)
 - iii. Hari Mi'raj (daripada pukul 6.00 petang hari sebelumnya hingga 6.00 petang hari itu)
 - iv. Hari Nesfu Syaaban (daripada pukul 6.00 petang hari sebelumnya hingga 6.00 petang hari itu)
 - v. Hari Pertama Raya Puasa / Aidifitri (daripada pukul 6.00 petang hari sebelumnya hingga 2.00 petang hari itu)
 - vi. Hari Pertama Raya Puasa / Aidi Adha (daripada pukul 6.00 petang hari sebelumnya hingga 9.30 malam hari itu)
 - vii. Hari Dalam Bulan Ramadhan (daripada pukul 6.00 petang hingga 9.30 malam)
 - viii. Awal Muharam / Maal Hijrah (daripada pukul 6.00 petang hari sebelumnya hingga pukul 3.00 petang hari itu)
- 2.35 mesti memasang kamera litar tertutup (CCTV) di dalam tempat hiburan untuk merakam aktiviti di dalam tempat hiburan
- 2.36 tiada seseorang dibawah umur 12 tahun boleh dibenarkan masuk atau berada di dalam tempat hiburan kecuali diiringi oleh ibu bapa atau penjaga yang sah.
- 2.37 Memastikan tiada pekerja tanpa izin atau pekerja-perja tanpa permit yang sah bekerja di tempat hiburan
- 2.38 Mematuhi semua syarat-syarat di dalam peruntukan Enakmen Hiburan dan Tempat-Tempat hiburan 2002 dan Kaedah-Kaedah Hiburan dan Tempat-Tempat Hiburan 2003
- 2.39 Pegawai Pelesen boleh membatalkan lesen ini pada bila-bila masa jika berlaku mana-mana pelanggaran syarat atau sekatan lesen ini atau mana-mana peruntukan Enakmen Hiburan dan Tempat-Tempat hiburan 2002 dan Kaedah-Kaedah Hiburan dan Tempat-Tempat Hiburan 2003
- 2.40 Menjelaskan segala Cukai Hiburan di Pejabat Cukai Hiburan Perbendaharaan Negeri Terengganu terlebih dahulu
- 2.41 Pegawai Pelesen boleh meminda mana-mana syarat atas budi bicaranya

Bahagian B**Butir-Butir Pemohon, Perniagaan Dan Premis****Butir – butir pemohon**Nama Penuh : _____

No. K/P : _____ Pasport : _____

Warganegara : _____ No. Telefon : _____

Alamat Kediaman :

Butir – butir perniagaan

Nama Syarikat :

Pendaftaran Syarikat : _____

No. Telefon Tempat Perniagaan : _____ No. Fax : _____

Butir – butir tempat

Jenis Perniagaan di premis bersebelahan :

i. _____

iii. _____

ii. _____

iv. _____

Jenis Premis : (a) Rumah Kedai / Kedai Pejabat
(b) Kompleks Membeli Belah
(c) Rumah Kelab

(d) Lain-Lain (Sila Nyatakan) : _____

Kedudukan Premis	:	(i) Tengah	(ii) Tepi	(iii) Bersendiri								
Tingkat	:	Luas Lantai : _____ meter persegi										
Status Milikan	:	(i) Pemunya	(ii) Penyewa									
Jarak Premis dari	:	(i) Masjid / Surau	_____ km	(ii) Kawasan Kediaman	_____ km							
		(ii) Hospital	_____ km									
Kemudahan yang disediakan :												
i.	Tandas	:	_____ unit	ii. Bilik Khas	:	_____ unit	iii. Kaunter Jualan	:	_____ unit	iv. Pejabat	:	_____ unit
v.	Lain-lain (nyatakan)	:	_____ unit									

Butir – butir Hiburan / Permainan

Jenis Hiburan :

- | | | | |
|---|--|---------------------------------------|-------------------------------------|
| <input type="checkbox"/> muzik | <input type="checkbox"/> Nyanyian | <input type="checkbox"/> "Live Band " | <input type="checkbox"/> Pool Table |
| <input type="checkbox"/> Simulator | <input type="checkbox"/> "Kiddy Rides" | <input type="checkbox"/> Pawagam | <input type="checkbox"/> Boling |
| <input type="checkbox"/> Lain-lain nyatakan : _____ | | | |

Jenis mesin permainan (Sila lampirkan no. siri mesin dan cip setiap permainan)

Bil	Jenis Permainan	Bilangan Mesin (Unit)	Bayaran (RM)
i.			
ii.			
iii.			
iv.			
v.			

(Sila sertakan lampiran berasingan jika mesin yang dimiliki melebihi 5 unit)

Masa dibuka untuk pengunjung :

Dari : _____ AM / PM Hingga : _____ AM / PM

Bilangan hari dibuka kepada pengunjung setiap minggu : _____ hari.

Sekatan pengunjung : [] Terbuka kepada orang ramai [] Terbuka kepada ahli sahaja

Adakah artis luar terlibat : [] Ya [] Tidak

(jika ya, sertakan Salinan visa/ permit kerja berkeraan setiap artis)

Nama artis terlibat :

- i. _____
- ii. _____
- iii. _____
- iv. _____

Jumlah bilik (jika ada) : [_____] Bilangan Tempat Duduk Penonton : [_____]

Tempoh hiburan diadakan : Dari _____ AM / PM Hingga : _____ AM / PM

Bilangan hiburan sehari / semalam / sebulan : _____

Jadual masa hiburan : Dari _____ AM / PM Hingga : _____ AM / PM
Dari _____ AM / PM Hingga : _____ AM / PM

Nyatakan bilangan tiket:

- (a) Bagi jualan : [_____]
- (b) Tiket hadiah : [_____]

Akuan

Saya : _____

No. Kad Pengenalan : _____ dengan ini mengaku bahawa maklumat yang diberikan di atas adalah betul dan benar

.....
Tandatangan pemohon dan cap syarikat beralamat lengkap

Gambar Premis

1. Gambar Dalam Premis (Menunjukkan Aktiviti Hiburan)

-TAMPAL GAMBAR DISINI-

2. Gambar Dalam Premis (Menunjukkan Aktiviti Hiburan)

-TAMPAL GAMBAR DISINI-

Gambar Aktiviti

1. Gambar Dalam Premis (Menunjukkan Aktiviti Hiburan)

-TAMPAL GAMBAR AKTIVITI HIBURAN DISINI-

Gunakan lampiran berasingan jika tidak mencukupi

3. Gambar Dalam Premis (Menunjukkan Aktiviti Hiburan)


-TAMPAL GAMBAR AKTIVITI HIBURAN DISINI-

Gunakan lampiran berasingan jika tidak mencukupi

GARIS PANDUAN BAGI PERMOHONAN LESEN IKLAN PERNIAGAAN**SYARAT – SYARAT PERMOHONAN LESEN IKLAN**

1. Visual iklan yang hendak dipamerkan hendaklah dalam Bahasa Malaysia samada dengan sendirinya atau bersama bahasa lain.
2. Jika tulisan lain-lain bahasa digunakan, perkataan atau huruf dalam Bahasa Malaysia hendaklah 30% lebih besar dari mana-mana bahasa lain.
3. Tulisan jawi adalah diwajibkan pada semua iklan termasuklah billboard, banting, banner, poster dan papan tanda iklan. Penggunaan tulisan jawi versi Pedoman Ejaan Jawi yang disempurnakan oleh Dewan Bahasa da Pustaka (DBP) adalah digalakkan.
4. Bahasa Malaysia hendaklah digunakan dengan betul dan menurut penggunaan umum dari segi ejaan, tulisan, tatabahasa, terjemahan dan lain-lain kaedah.
5. Tiada seorangpun boleh menggunakan apa-apa perkataan, logo atau tanda "Halal" atau "Ditanggung Halal" tanpa mendapat sijil pengesahan halal daripada mana-mana pihak berkuasa berkenaan.
6. Visual iklan yang mempamerkan iklan minuman keras, rokok, gambar menjolok mata, kurang sopan dan lucu adalah dilarang / tidak dibenarkan.
7. Permohonan lesen iklan premis perniagaan mestilah dihantar bersama permohonan lesen perniagaan (Jika pemohon tidak pamer iklan pada premis. Pemohon perlu mengemukakan surat)
8. Iklan atau papan tanda tidak boleh dipasang sebelum lesen diperolehi.
9. Pemohon hendaklah menyediakan ilustrasi / visual iklan seperti yang ditetapkan seperti dibawah :
 - i. Lakaran menunjukan ukuran papan tanda (unit meter)
 - ii. Menyatakan aktiviti perniagaan dalam Bahasa Malaysia.
 - iii. Nama syarikat di sudut bawah sebelah kanan.
 - iv. Meletakan perkataan MDHT/NO.AKUAN LESEN / LOGO MAJLIS pada ilustrasi / visual yang dihantar di sudut bawah sebelah kiri.
 - v. Nama syarikat di sudut bawah sebelah kanan
 - vi. Nyatakan samada iklan berbahaya atau tidak.
 - vii. Lakaran menunjukan cadangan iklan dipasang.
10. Pihak majlis berhak mengenakan, menggubal apa-apa syarat yang difikirkan perlu tanpa pemberitahuan terlebih dahulu.

CONTOH LAKARAN VISUAL IKLAN PREMIS PERNIAGAAN



|| BAHAGIAN PELESENAN MAJLIS DAERAH HULU TERENGGANU, 27100 KUALA BERANG, TERENGGANU || TEL : 09-6811466 / 09-6811149 || FAX : 09-6811655

Bahagian D**Butir-Butir Papan Tanda, Akuan Tuan Punya Bangunan / Tanah**

No	Ukuran (dalam meter)	Bercahaya	Tidak bercahaya	Bil. Unit	Lokasi pemasangan

PENGAKUAN PEMOHON

Saya _____ No. K/P _____
 Mengakui bahawa semua maklumat yang diberikan adalah benar. Saya berjanji akan mematuhi segala syarat dan peraturan undang-undang yang berkaitan dalam pengeluaran lesen.

Saya bersetuju sekiranya maklumat yang diberikan adalah palsu atau saya gagal mematuhi syarat-syarat pengeluaran lesen, Pihak Berkuasa Melesen Majlis Daerah Hulu Terengganu berhak untuk membatalkan permohonan lesen ini.

Tarikh permohonan : _____

Tandatangan Pemohon dan
Cap syarikat beralamat premis

PERSETUJUAN TUAN PUNYA BANGUNAN / TANAH

Saya _____
 (Nama tuan punya bangunan / tanah)

Beralamat, _____

Tuan punya bangunan / tanah yang diperihalkan di atas, bersetuju dengan aktiviti perniagaan

_____ yang dengannya
 Dipohon dengan ini.

(Tandatangan tuan punya bangunan)

Nama : _____

No. K/P : _____